



MENTERI SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT JAWATANKUASA KABINET SUKAN

Untuk pengetahuan media, saya telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Sukan dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Zahid Hamidi pada 30 Mei 2023.

Ini adalah satu mesyuarat penting untuk melihat kecemerlangan dalam bidang sukan negara yang melibatkan beberapa orang Menteri kabinet dan pegawai tinggi kerajaan.

Banyak perkara telah dikongsikan dalam mesyuarat tersebut, terutama pandangan yang datang dari pelbagai perspektif melalui wakil kerajaan yang hadir.

Mesyuarat ini tidak hanya memberi tumpuan kepada kecemerlangan dalam bidang sukan semata-mata, tetapi juga mengiktiraf peranan sukan sebagai wahana penyatuan negara. Melalui perbincangan ini, saya ingin menekankan beberapa perkara yang dapat disimpulkan:-

1. Saya ingin tegaskan bahawa sukan seharusnya dilihat sebagai instrumen perpaduan yang sangat penting untuk negara. Sudah terbukti bahawa sukan menjadi medium yang efektif dalam memupuk perpaduan di Malaysia melalui berbagai pertandingan dan ianya telah berhasil memupuk hubungan harmoni semua kaum di negara ini, terutama dalam konteks sebuah negara yang sedang berkembang seperti Malaysia.
2. Seperti mana yang kita ketahui, integrasi antara kaum dan wilayah juga dapat diertakan melalui sukan sejak negara kita merdeka. Sukan seharusnya lebih terbuka untuk semua kaum tanpa mengira latar belakang, malah sukan juga tidak meletakkan bangsa atau agama untuk menyertai sesuatu acara.

3. Saya juga ingin menyarankan agar Dasar menggalakkan setiap pelajar mengambil satu sukan diperhebatkan lagi agar mampu melibatkan lebih ramai anak muda pelbagai kaum menyertai sukan sekaligus mempertingkatkan usaha menjadikan sukan ke arah perpaduan di Malaysia.
4. Disamping itu, saya menyeru kepada pihak berwajib memperbanyakkan lagi kemudahan bersukan dan disediakan bukan saja di bandar malah di luar bandar agar matlamat menyatukan rakyat melalui sukan dapat dicapai.

Komitmen untuk membangun perpaduan melalui sukan harus konsisten dan inklusif melibatkan semua pihak, baik pemerintah, institusi pendidikan, dan masyarakat umum bagi memastikan sukan satu agenda penting memperkuat perpaduan di Malaysia.

**MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
31 MEI 2023**